

Pejabat Pendaftar | Office of The Registrar

Rujukan Kami : UniSZA. P/1/PP/604-2 (51)

Bertarikh : 25 Mei 2014

Bersamaan : 25 Rejab 1435

Semua staf
Universiti Sultan Zainal Abidin

Prof./Dr./Tuan/Puan

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2014
SKIM KEMUDAHAN RAWATAN PERGIGIAN UNTUK KAKITANGAN UniSZA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 13/2014 yang bersidang pada 14 Mei 2014, telah bersetuju meluluskan tuntutan rawatan pergigian yang diperuntukkan sebanyak **RM200.00 setahun bagi seorang staf terhadap kepada tahun semasa sahaja**. Tuntutan meliputi semua jenis rawatan kecuali rawatan kosmetik berkuatkuasa mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.


3. Walau bagaimanapun, tuntutan **rawatan pergigian untuk tujuan kosmetik adalah tidak akan ditanggung oleh universiti**. Contoh rawatan kosmetik seperti gigi palsu, crown, bridge dan implan.

Sekian, terima kasih.

"Pengurusan Mesra dan Efektif"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


NORDIN BIN JUSOH
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Penolong Pendaftar (Unit Governan, Tatatertib & Kebajikan)

WMMW/pah.



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 01/2014

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat)
Bendahari
Semua Dekan / Ketua PTj
Universiti Sultan Zainal Abidin

TUNTUTAN RAWATAN PERGIGIAN

1.0 TUJUAN :

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf UniSZA berkaitan tuntutan Rawatan Pergigian.

2.0 LATAR BELAKANG :

- 2.1 Rawatan pergigian kepada semua staf UniSZA telah diluluskan dan dimaklumkan melalui Pekeliling Pendaftar Bil. 2/2009 di mana rawatan tersebut hanya diberikan kepada **staf UniSZA sahaja (tidak termasuk tanggungan)** dengan kadar maksima **RM200.00 setahun**.
- 2.2 Berdasarkan Pekeliling Pendaftar Bil. 4/2010, tuntutan hanya dibenarkan untuk cabutan sahaja atas sebab penangguhan sementara.
- 2.3 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan yang terlibat seperti berikut :

“semua jenis tuntutan rawatan pergigian adalah dibenarkan kecuali rawatan pergigian untuk tujuan kosmetik (**tidak ditanggung oleh universiti**). Rawatan pergigian untuk kosmetik adalah seperti gigi palsu, crown, bridge dan implan.”

3.0 KAEDAH TUNTUTAN :

3.1 Kaedah tuntutan rawatan pergigian adalah seperti berikut :

- 3.1.1 Semua kakitangan boleh mendapat rawatan pergigian di mana-mana klinik yang menyediakan rawatan tersebut, tetapi perlu membayar terlebih dahulu dan kemudiannya mengemukakan tuntutan kepada **Unit Governan, Tatatertib dan Kebajikan, Pejabat Pendaftar** untuk tindakan selanjutnya.
- 3.1.2 Borang tuntutan dan salinan resit asal bayaran akan disemak/disahkan oleh pegawai bertanggungjawab di **Unit Governan, Tatatertib dan Kebajikan** sebelum dikemukakan kepada pihak Bendahari untuk tujuan pembayaran. Contoh borang berkenaan adalah seperti di lampiran.
- 3.1.3 Pejabat Bendahari akan menguruskan pembayaran balik setelah mendapat pengesahan daripada Penolong Pendaftar (**Unit Governan, Tatatertib dan Kebajikan**)

4.0 TARIKH KUATKUASA :

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini dikeluarkan, maka Pekeliling Pendaftar Bil. 4/2010 adalah dibatalkan.

“ Pengurusan Mesra dan Efektif “

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,


NORDIN BIN JUSOH
Pendaftar

s.k. - Y. Bhg. Naib Canselor

Bertarikh : 25 Mei 2014